

## IJTIHAD DAN PERKAITANNYA DENGAN MASLAHAH: SUATU KUPASAN

### Abstrak

Mansor Sulaiman<sup>1</sup>, Azizurrahman<sup>2</sup>, Fatmawati Latada<sup>3</sup>, Hasan Bin Ahmad<sup>4</sup>, Mohamad. Hilmi Bin Mat Said<sup>5</sup>

Tulisan ini bertujuan menjelaskan perkaitan antara ijtihad dengan maslahah. Pemilihan maslahah berbanding dalil-dalil lain yang berperanan dalam proses ijtihad adalah disebabkan ia merupakan dalil yang diperlukan dalam menjawab persoalan-persoalan baharu yang tidak dapat dijawab terutamanya menerusi ijtihad yang berkisar dalam lingkungan nas (*ijtihad bayani* dan *ijtihad kiasi*). Tanpa menafikan ijtihad yang berkisar dalam lingkungan nas juga memerlukan kepada kefahaman berkenaan maslahah itu sendiri. Walaupun begitu, tulisan ini hanya akan menjelaskan perkaitannya sahaja dan seterusnya mengemukakan beberapa contoh aplikasi maslahah dalam ijtihad sebagai pendedahan kewajaran penggunaannya dalam menghadapi isu-isu baharu pada hari ini. Akhirnya diharapkan tulisan ini dapat menjadi panduan dalam penentuan hukum terhadap isu-isu baharu yang tiada penjelasan secara langsung daripada nas-nas al-Quran dan al-hadis.

Key words:

Ijtihad, maslahah, hukum Islam, shariah

<sup>1</sup> Pensyarah kanan di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang. mansor@ump.edu.my

<sup>2</sup> Pelajar Phd di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang.

<sup>3</sup> Pensyarah kanan di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang. fatmawati@ump.edu.my

<sup>4</sup> Profesor Madya di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang. hasanahmad@ump.edu.my

<sup>5</sup> Pensyarah kanan di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang. hilmi@ump.edu.my

## **MUQADDIMAH**

Ijtihad adalah merupakan suatu lapangan yang luas serta tidak boleh dinafikan pensyariatannya dalam Islam. Sebarang penafian terhadap pensyariatannya seolah-olah menafikan sifat kesyumulan shariat Islam yang membolehkan perkembangan dan perubahan semasa disesuaikan dengan Islam dan bukan Islam yang perlu dipaksa mengikuti perkembangan semasa.

Walaupun begitu, kertas kerja ini ingin menyorot berkenaan perkaitan ijтиhad dengan salah satu panduan yang dikemukakan dalam berijtihad iaitu maslahah. Ia merupakan suatu panduan yang menjadi asas dalam memastikan sesuatu ijтиhad itu berada di atas landasan yang sepatutnya. Ia secara tidak langsung sebagai kawalan daripada pengaruh hawa nafsu dan kepentingan yang tidak sepatutnya dalam pengeluaran sesuatu ijтиhad.

## **IJTIHAD**

Ijtihad dari sudut bahasa bermaksud ‘mengerahkan tenaga dan kemampuan sehingga membawa kepada kesusahan dan kepayahan kepada pelakunya bagi mencapai sesuatu perkara’. Penggunaan perkataan ini dalam Bahasa Arab berkisar dalam perkara-perkara yang mendatangkan kepayahan dan kesukaran kepada pelakunya (al-Zuhaili, 1986). Sebagai contoh satu daripada penggunaannya dalam perkataan Arab seperti berikut:

اجتهد في حمل حجر الرحى

“Aku mengerahkan tenaga mengangkat batu-batu kisar”

Perkataan ini adalah salah sekiranya digunakan bagi menggambarkan melakukan perkara yang ringan. Sebagai contohnya adalah salah dari sudut bahasa menggunakan perkataan ijтиhad seperti berikut:

اجتهد في حمل خردلة

“Aku mengerahkan tenaga mengangkat sayur sawi”

Manakala dari sudut istilah, ijтиhad bermaksud ‘pengerahan tenaga dan kemampuan oleh seorang mujtahid bagi menemui ilmu berkaitan hukum-hukum shariah menerusi kaedah istinbat’. Berdasarkan istilah ini, Zaidan (1993) menyatakan bahawa ijтиhad adalah merangkumi perkara-perkara berikut:

- i. Pengerahan tenaga dan kemampuan oleh seorang mujtahid iaitu menumpukan tenaga dan kemampuan yang paling maksimum dalam melakukan ijтиhad.
- ii. Usaha ini hanya boleh dilakukan oleh orang yang telah layak dikira sebagai mujtahid.
- iii. Usaha ini hanya bertujuan untuk mengetahui hukum-hukum shariah yang bersifat amali sahaja.
- iv. Disyaratkan untuk mengetahui hukum-hukum ini adalah ia dilakukan melalui kaedah istinbat iaitu mendapatkannya daripada dalil-dalilnya menerusi proses penelitian dan pengkajian yang mendalam.

Kesimpulan daripada definisi bahasa dan istilah ini adalah ijтиhad merupakan suatu proses mengistinbat hukum-hukum shariah daripada dalil-dalil *tafsili* dalam perundangan Islam.

## **KEPERLUAN TERHADAP IJTIHAD**

Suatu shariat itu tidak dapat bertahan lama dan akan ketinggalan zaman sekiranya hanya bersandarkan kepada nas-nas yang bersifat statik dan tidak menerima perubahan. Ijтиhad membolehkan syariat memenuhi keperluan-keperluan dan perubahan-perubahan semasa kehidupan yang memerlukan kepada penyelesaian yang sepatutnya. Tanpa dinafikan ada perkara yang tidak dibenarkan ijтиhad iaitu perkara bersifat kekal dan tidak boleh diubah yang dikenali sebagai perkara *thawabit* (tetap) dalam agama seperti aqidah ketuhanan, prinsip-prinsip asas hukum dan sebagainya.

Secara umumnya, Allah telah menjadikan syariat Islam ini sesuai untuk seluruh masa dan tempat. Nas-nas dan kaedah-kaedah shariah kebanyakannya didatangkan dalam bentuk umum manakala peristiwa-peristiwa sentiasa berlaku dan tidak terhad kepada masa-masa tertentu. Oleh itu, tiada jalan lain untuk mengetahui penjelasan syariah berkenaan peristiwa-peristiwa ini

melainkan melalui jalan ijihad. (Kassab: 1984) Bahkan lapangan ijihad adalah begitu luas dan sentiasa menerima perkara-perkara baru untuk diijihadkan hukumnya oleh para mujtahid. Ia juga masih terbuka terhadap perkara-perkara yang telah diputuskan oleh mujtahid terdahulu dalam lapangan yang dibenarkan ijihad padanya (al-Zuhaili, 1986).

Walaupun begitu, isu-isu yang dilihat sebagai suatu yang baharu perlu dirujuk sama ada termasuk dalam lapangan yang dibenarkan ijihad atau sebaliknya. Kesilapan dalam mengetahui lapangan ijihad ini akan membuka kepada hilangnya kawalan agama terhadap pemikiran manusia. Begitu juga kegagalan mengetahui panduan dalam berijihad juga boleh membawa bencana yang besar kepada agama dan manusia itu sendiri.

## **KONSEP MASLAHAH**

Al-Ghazali (t.th.) menyatakan bahawa *maslahah* adalah merupakan suatu yang berkonsepkan penghasilan manfaat dan penolakan kemudaratan. Beliau seterusnya menyatakan bahawa *maslahah* yang dikemukakan oleh syariat Islam bertujuan untuk memelihara matlamat penurunan syariat (*Maqasid al-Shariah*) itu sendiri iaitu memastikan dan memelihara *maslahah-maslahah* yang kembali kepada manusia dan mengelakkan mereka daripada kemudaratan berteraskan kepada pemeliharaan 5 perkara iaitu agama, diri, akal, zuriat dan harta. Sebarang tindakan yang merosakkan 5 perkara ini dikira sebagai *mafsadah* (kerosakan) manakala memeliharanya pula dikira *maslahah*. Al-Buti (1982) pula menyatakan bahawa para ulama telah bersepakat (*ijma'*) bahawa seluruh hukum Allah adalah bersifat menjamin *maslahah* manusia di dunia dan akhirat selari dengan firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَاكُمْ إِلَّا رحْمَةً لِّلنَّاسِ

Maksudnya:

“Dan tidaklah kami mengutuskan kamu wahai Muhammad melainkan sebagai rahmat kepada alam ini”

(al-Quran; al-Anbiya’: 107)

Menurut Zaidan (1993) pula, *maslahah* yang dibincangkan di sini merupakan *maslahah* berdasarkan pertimbangan syarak dan bukan pertimbangan nafsu dan syahwat manusia. Ini disebabkan sekiranya pertimbangan ini diserahkan kepada manusia maka boleh jadi seseorang itu akan hanya melihat sesuatu itu dengan pandangan nafsu semata-mata sehingga melihat bahawa suatu yang bermanfaat itu sebagai suatu mudarat dan begitu juga sebaliknya iaitu melihat mudarat itu sebagai manfaat. Perkara ini boleh berlaku apabila seseorang itu terkesan dengan dorongan nafsu serta kepentingan-kepentingan diri yang tertentu.

## **PEMBAHAGIAN KATEGORI MASLAHAH**

*Maslahah* mempunyai 3 kategori iaitu *al-Dharuriyat*, *al-Hajiyat* dan *al-Tahsiniyat*. *Al-Dharuriyat* merupakan *maslahah* yang sangat diperlukan bagi memastikan wujud dan kekalnya kehidupan manusia dan masyarakat. Sekiranya ia tiada maka rosaklah sistem kehidupan serta manusia akan berada dalam keadaan kacau-bilau. Manusia akan sengsara di dunia dan di akhirat akan mendapat azab. Perkara-perkara yang termasuk dalam kategori *al-Dharuriyat* ini adalah agama, jiwa, akal, zuriat dan harta. Kelima-lima perkara ini dipelihara oleh syariat Islam menerusi pensyariatan hukum-hakam yang berperanan mewujudkannya serta memeliharanya daripada sebarang kerosakan. Sebagai contoh, dalam aspek zuriat, disyariatkan perkahwinan bagi memastikan kewujudannya. Dalam masa yang sama disyariatkan hukum-hakam seperti pengharaman zina dan hukuman bagi pelaku zina bagi memeliharanya. *Al-Hajiyat* pula adalah perkara-perkara yang diperlukan manusia bagi mengangkat kesusahan dan kesukaran daripada manusia. Ketiadaannya tidak memberi implikasi kerosakan sistem kehidupan manusia tetapi mereka akan berada dalam keadaan kesukaran dan kesempitan yang berterusan. Oleh kerana itu, hukum-hakam yang dikemukakan syariat bagi mengangkat kesusahan daripada manusia adalah termasuk dalam kategori *al-Hajiyat*. Sebagai contoh, dikemukakan hukum *rukhsah* dalam Ibadah bagi mengangkat kesukaran untuk mereka yang berkenaan. Begitu juga disyariatkan pelbagai sistem dalam aspek muamalat sebagai pengecualian daripada kaedah umum dalam hukum seperti diharuskan jual beli salam, disyariatkan talak dan sebagainya. *al-Tahsiniyat* pula adalah perkara-perkara yang menjadikan keadaan manusia berada dalam keadaan yang menepati adab dan akhlak yang baik dan tinggi. Ketiadaannya tidak memberi implikasi kerosakan sistem hidup manusia serta tidak mendatangkan kesukaran kepada mereka. Tetapi ia menjadikan kehidupan

mereka berada dalam keadaan bercanggah dengan kehidupan bermaruah, berakhhlak mulia dan fitrah kemanusiaan. Syariat Islam memelihara aspek *al-Tahsiniyat* ini dalam pelbagai aspek kehidupan manusia seperti dalam aspek ibadah, muamalat, adat kebiasaan dan juga hukuman. Sebagai contohnya, Islam mensyariatkan penutupan aurat, pemakaian baju yang baik ketika memasuki masjid, mengharamkan jualan atas jualan orang lain, menentukan adab-adab tertentu dalam aspek adat kebiasaan yang dilalui manusia dan sebagainya (Zaidan, 1993).

Selain daripada itu, bagi menyempurnakan *maslahah* di kalangan manusia, maka bagi ketiga-tiga kategori *maslahah* ini disyariatkan perkara-perkara yang bersifat menyempurnakannya. Sebagai contohnya, dalam kategori *al-Dharuriyat*, selain pengharaman zina bagi tujuan memelihara aspek zuriat, syariat Islam mengharamkan juga perkara-perkara yang boleh membawa seseorang itu terjebak kepadanya. Antaranya ialah seperti pengharaman khalwat antara lelaki dan perempuan, pengharaman bagi lelaki melihat wanita dengan syahwat, dan juga diharamkan bagi wanita berpakaian yang boleh membawa kepada menarik perhatian kaum lelaki secara syahwat. Dalam kategori *al-Hajiyat* pula, selain peruntukan beberapa jenis kaerah jual-beli yang bertujuan mengelak kesukaran kepada manusia, syariat Islam menetapkan juga syarat-syarat tertentu sebagai pelengkap kepada kaerah-kaerah tersebut. Manakala dalam kategori *al-Tahsiniyat*, antaranya disyariatkan amalan sunat *al-Nawafil* sebagai penyempurna kepada ibadah-ibadah wajib (Zaidan, 1993).

## **HUBUNGAN ANTARA IJTIHAD DAN MASLAHAH**

### **I. HUKUM-HUKUM SHARIAH ADALAH BERLEGAR DALAM LINGKUNGAN MASLAHAH**

Hukum-hukum shariah itu adalah berlegar dalam lingkungan maslahah sepetimana dijelaskan dalam perbincangan berkenaan maslahah di atas<sup>6</sup>. Bahkan Raisuni & Barut (2000) menyatakan

<sup>6</sup> Peranan maslahah dalam ketentuan hukum ini boleh dilihat dalam perbahasan berkenaan hukum haram. Iaitu sesuatu yang diharamkan adalah disebabkan mafsadah pada zatnya seperti zina, berkahwin dengan mahram, mencuri, memakan bangkai dan menjualnya, membunuh tanpa hak dan sebagainya. Hukumnya adalah haram bagi mukallaf untuk melakukannya dan tidak boleh menjadi sebab yang syar'ie yang memberi implikasi lahirnya hukum syariah daripadanya. Contohnya, mencuri tidak boleh menjadi sebab yang syar'ie untuk mengsaikan hak milik, begitu juga nikah dengan mahram dengan pengetahuan menjadi nikah yang batal dan tidak memberikan implikasi

bahawa shariah adalah maslahah dan menegaskan bahawa perkara ini diterima oleh kebanyakan ulama. Beliau menyatakan perkara ini boleh difahami menerusi kenyataan para ulama berkenaan maslahah seperti “kehadiran shariah adalah untuk membawa maslahah dan menjauhi *mafasid* (kerosakan)”, “shariah diletakkan untuk maslahah manusia yang tertangguh dan yang terdekat”. Selain itu, Zaidan (1993) menjelaskan bahawa hukum-hukum shariah itu sendiri berperanan sebagai pemandu kepada manusia untuk mengetahui perkara baik dan buruk seterusnya memandu manusia kepada kebaikan dan mengelak daripada bahaya. Beliau turut mengemukakan suatu kaedah bagi menjelaskan pandangan beliau ini iaitu kaedah **ما نهي شرعاً فقيح ولا حسن** yang bermaksud “apa-apa yang dilarang oleh syarak adalah suatu yang buruk manakala apa-apa yang tidak dilarang adalah suatu yang baik”. Beliau juga menjelaskan bahawa tidak semua perkara baik dan buruk diketahui melalui akal manusia (disebabkan akal terdedah kepada kelemahan)<sup>7</sup>. Ada di antaranya yang mudah diketahui dan ada di antaranya yang memerlukan kepada usaha yang bersungguh-sungguh bagi mengetahuinya. Disebabkan itu, hukum didatangkan bagi memandu manusia ke jalan yang sepatutnya. Perkara ini bertepatan dengan tujuan syariat itu diturunkan iaitu bagi menjamin maslahah dan penolakan mudarat. Antara lain perkara ini boleh dilihat melalui pandangan al-Syatibi (1969) seperti berikut:

*“Setiap sebab yang disyariatkan padanya terdapat maslahah yang disebabkan maslahah tersebut ia disyariatkan. Sekiranya didapati daripada sebab tersebut terserah mafsadah maka ia bukan suatu yang berpunca daripada sebab yang disyariatkan tersebut. Dan tidaklah sesuatu sebab itu ditegah oleh syara’ melainkan padanya terdapat mafsadah yang disebabkan mafsadah tersebut ia ditegah. Sekiranya didapati daripada sebab tersebut terserah maslahah maka ia bukan suatu yang berpunca daripada sebab yang ditegah tersebut”.*

---

seperti implikasi daripada nikah yang sah. Walaupun begitu, kadangkala diharuskan melakukan perkara haram pada waktu-waktu tertentu iaitu ketika dharurat. Ini disebabkan asal pengharamannya adalah untuk memelihara perkara dharuriyat. Disebabkan itu bangkai boleh dimakan ketika takutkan kehilangan nyawa. Sehubungan itu, Zaidan (1993) menyatakan bahawa Allah tidak akan mengharamkan sesuatu melainkan kerana mafsadah sama ada sepenuhnya atau mafsadah yang banyak dan melebihi daripada maslahah. *Mafsadah* ini sama ada pada zat perbuatan yang diharamkan (*haram li zatih*) atau haram disebabkan perkara lain yang berkait dengannya (*haram li ghairihi*).

<sup>7</sup> Raisuni & Barut (2000) menyatakan bahawa nas sebagai panduan untuk mengetahui maslahah. Sekiranya penentuan nas adalah menerusi sumber selain nas, maka kita akan terpesong. Sebagai contoh, untuk mengetahui maslahah berkaitan spiritual (*ruhiyah*) maka antara nas yang menjelaskannya adalah firman Allah dalam ayat 28, Surah al-Ra’du.

Sebagai penjelasan kepada perkara ini, dikemukakan 2 peristiwa yang mempunyai situasi yang agak sama tetapi Nabi saw menentukan 2 hukum berbeza berdasarkan maslahah<sup>8</sup>. Peristiwa pertama berdasarkan Hadith daripada Abu Musa al-Ash'ari, beliau berkata bahawa beliau mendatangi Nabi bersama dua pemuda daripada Bani Ammi. Lalu berkata salah seorang daripada pemuda itu: "Wahai Rasulullah, jadikanlah kami ketua pada mana-mana tempat yang telah Allah berikan kepada mu." Permintaan yang sama diminta oleh seorang lagi pemuda. Lalu baginda menjawab:

اَنَا وَاللَّهُ لَا نَوْلَىٰ عَلَىٰ هَذَا الْعَمَلِ احْدًا سَأَلَهُ وَلَا اَحَدًا حَرَصَ عَلَيْهِ

Maksudnya:

"Sesungguhnya kami tidak memberikan tugas sebagai ketua dalam urusan seperti ini kepada seseorang yang memintanya atau kepada seseorang yang berusaha mendapatkannya."

(Sharh Muslim, *Kitab al-Imarah, Bab al-Nahyi An Thalab al-Imarah wa al-Hirsi Alaihi*, Hadith no 1733)

Hadith di atas ini jelas menunjukkan bahawa mereka yang meminta-minta jawatan tidak selayaknya diberikan jawatan berdasarkan maslahah yang begitu jelas. Ia boleh dilihat menerusi banyak peristiwa dalam bentuk musibah disebabkan kerakusan pihak yang berusaha untuk mendapatkan kuasa, begitu juga musibah yang dihadapi oleh ramai orang disebabkan kuasa yang dipegang oleh mereka yang tidak selayaknya. Hadith ini juga memiliki nilai tarbiyah yang mengajar memelihara nafsu cintakan kuasa dan pengaruh yang mana di sebaliknya adalah faktor

---

<sup>8</sup> Para ulama membahagikan sunnah yang dilakukan Nabi kepada beberapa bahagian. Menerusi pembahagian ini kita dapat mengetahui ada di antara sunnah itu yang tidak memberi implikasi hukum. Sebagai contohnya, Ibnu Ashur (2004) telah membahagikan perbuatan dan perkataan Nabi kepada 12 kategori hasil daripada penelitian beliau terhadap beberapa pandangan ulama berkenaan perkara ini. Antaranya ialah kategori pensyariatan, fatwa, qadha', *imarah*, petunjuk (*al-hadyu*), penyelesaian masalah (*al-sulh*), nasihat, mengajar hakikat-hakikat yang sukar diketahui manusia (sekiranya tiada panduan), *ta'dib* dan sebagainya. Beliau turut menyatakan bahawa pengetahuan berkenaan perbezaan ini adalah sangat diperlukan kepada mereka yang meneliti maqasid shariah. Selain itu, ada juga ulama yang memberikan pembahagian itu secara lebih ringkas iaitu pertama kategori syariat dan kedua kategori bukan syariat.

inginkan pulangan berbentuk kebendaan dan suatu yang memenuhi kehendak jiwa. (Raisuni & Barut, 2000)

Walaupun begitu, dalam peristiwa kedua, terdapat hadith lain yang menunjukkan Nabi memberikan jawatan kepada orang yang meminta. Berhubung perkara ini, ia menunjukkan bagaimana maslahah menjadi asas kepada ketentuan dua keputusan yang dibuat oleh Nabi pada ketika itu. Kisah tersebut adalah berkenaan Ziad Bin al-Harith dari Bani Thuda' yang membawa wakil kaumnya kepada nabi untuk memaklumkan keIslamannya kaumnya. Dalam kisah tersebut, Ziad berkata: "Aku meminta baginda untuk menjadikan aku sebagai ketua kaumku dan meminta baginda untuk menuliskan pengisyiharan aku sebagai ketua, lalu baginda melakukannya..."

Berhubung perkara tersebut di atas, Ibnu al-Qayyim (1990) menyatakan bahawa kisah ini menunjukkan bahawa harus melantik ketua daripada orang yang meminta jawatan tersebut sekiranya didapati beliau merupakan seorang yang selayaknya untuk jawatan tersebut. Beliau juga menyatakan bahawa tindakan Nabi memberikan jawatan tersebut kepada Ziad tidaklah bercanggah dengan hadith yang menunjukkan Nabi tidak memberikan jawatan kepada mereka yang meminta-mintanya di atas. Ini disebabkan terdapat perbezaan antara dua situasi tersebut. Dalam hadith ini, Ziad meminta untuk dilantik sebagai ketua kepada kaumnya secara khusus dan beliau merupakan seorang yang ditaati dan disukai oleh kaumnya. Tujuan beliau meminta jawatan ini adalah untuk mengislah dan membawa mereka kepada Islam semata-mata. Oleh kerana itu, Nabi melihat ia sebagai suatu maslahah kepada kaum tersebut lalu permintaannya diterima. Manakala dalam hadith yang pertama, Nabi melihat bahawa kedua-dua orang yang meminta jawatan daripada Nabi itu adalah untuk maslahah peribadi mereka sendiri lalu Nabi menolaknya. Daripada 2 situasi ini, Ibnu al-Qayyim (1990) melihat bahawa pemberian dan penolakan permohonan untuk diberikan jawatan itu diputuskan berdasarkan maslahah.

Oleh kerana itu, dalam perbincangan tentang ijtihad, Dr. Wahbah Zuhaili (1993) telah meletakkan pemeliharaan maslahah sebagai salah satu panduan bagi memastikan ijtihad dapat dikawal daripada terseleweng daripada landasan yang sepatutnya. Iaitu antara lain beliau

mencadangkan bahawa sesuatu ijтиhad itu mesti mengikuti syarat yang telah ditetapkan syarak iaitu menepati kebenaran dan membolehkan pemeliharaan maslahah serta menolak mafsadah. Dalam erti kata lain, ia bukan sekadar berdasarkan pertimbangan akal yang dikuasai nafsu dan kepentingan diri (maslahah khusus) yang bertentangan dengan kepentingan umum (maslahah umum).

## **II. MASLAHAH SEBAGAI SALAH SATU PANDUAN DALAM BERIJTIHAD**

Secara umumnya, maslahah sebagai rujukan dalam ijтиhad merupakan suatu yang tidak asing dalam perkembangan hukum-hakam shariah. Bahkan maslahah sebagai panduan dalam berijтиhad telah diaplikasi sejak zaman awal Islam. Sehingga terdapat dalil yang menunjukkan Nabi saw sendiri memberikan ijтиhad sahabat yang bersandarkan kepada maslahah. Ini menunjukkan bahawa, walaupun perbincangan berkenaan maslahah sebagai suatu ilmu belum dibincangkan pada zaman awal tersebut tetapi aplikasi maslahah sebagai panduan telah berlaku pada ketika itu. Oleh kerana itu, di bawah ini dikemukakan beberapa contoh aplikasi penggunaan maslahah sejak zaman awal Islam:

### **KES 1: Zaman Nabi Muhammad SAW: Pengakuan nabi terhadap ijтиhad sahabat yang menepati maslahah dan penolakan nabi terhadap ijтиhad sahabat yang sebaliknya**

Ia boleh dilihat menerusi kisah seorang ketua yang dilantik Nabi untuk mengepalai satu kumpulan *sariyyah* telah mengarahkan ahli *sariyyahnya* untuk masuk api sebagai penghayatan kepada arahan untuk mentaati ketua. Terdapat sebahagian daripada mereka yang ingin mentaati arahan ini dan sebahagian yang lain melarikan diri daripada ketua tersebut. Lalu kemudian apabila mereka bertemu Nabi maka mereka menceritakan peristiwa tersebut kepada baginda. Lalu baginda memberitahu golongan yang ingin mentaati arahan tersebut bahawa sekiranya mereka memasuki ke dalam api tersebut seperti yang diarahkan maka mereka akan kekal di dalamnya sehingga datangnya hari kiamat. Manakala kepada mereka yang melarikan diri tersebut Nabi berkata kepada mereka dengan kata-kata yang baik (Ibnu al-Qayyim, 1990).

Daripada peristiwa ini kita boleh melihat pendirian Nabi yang berbeza kepada dua kumpulan tersebut. Pendirian pertama dilihat sebagai pendirian yang menggambarkan peringatan keras terhadap mereka yang berinteraksi dengan nas secara jumud sehingga tidak nampak maslahah dan mafsadah serta tidak mentadabbur tujuan nas tersebut. Manakala kepada kumpulan kedua pula menggambarkan pendirian berbeza Nabi iaitu baginda memuji mereka yang berupaya melihat nas dengan penuh kebijaksanaan. (Raisuni & Barut, 2000)

### **KES 2: Zaman sahabat: Ijtihad Umar al-Khattab berkenaan pembahagian harta rampasan perang kepada golongan muallaf.**

Ijtihad Umar al-Khattab ini adalah ijтиhad yang dilihat bertentangan nas, firman Allah dalam Surah al-Taubah, ayat 60 seperti berikut:

إِنَّمَا الْسَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِيلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي أَلْرَقَابِ وَالغُرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ  
وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنْ أَنَّ اللَّهَ وَاللَّهُ عَلَيْهِ حَكِيمٌ

Maksudnya:

Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekaakan) budak, orang-orang yang ber hutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Berhubung perkara ini, Umar al-Khattab telah bertindak dengan tindakan yang tidak mengikuti lafaz di atas iaitu baginda tidak menyerahkan bahagian muallaf ini kepada mereka berdasarkan ijтиhadnya bahawa pada ketika itu Islam telah kuat dan tidak berhajat kepada usaha menjinakkan dan melembutkan hati golongan yang tertentu. Perkara ini jelas dalam ucapannya kepada 2 orang muallaf yang meminta saham mereka dengan katanya:

“Sesungguhnya Rasulullah saw pada hayat baginda memberikan bahagian kepada kamu disebabkan Islam pada ketika itu lemah. Dan sesungguhnya, Allah pada hari ini telah mengkayakan dan memuliakan Islam. Pergilah kamu dan berusahalah sepermata semua

muslim yang lain berusaha mencari rezeki. Sesungguhnya kebenaran itu adalah daripada Tuhan kamu, barangsiapa yang dikehendakinya beriman maka berimanlah dia dan barangsiapa yang dikehendakinya kufur, maka kufurlah ia”

Tindakan Umar ini dilihat oleh para fuqaha sebagai bukan perkara yang bertentangan dengan nas kerana tindakannya bukanlah menidakkannya saham tersebut. Ia hanya merupakan penangguhan disebabkan pemberian saham berkenaan tidak dikira sebagai maslahah kepada umat Islam pada ketika itu. Sepertimana pernah berlaku pada zaman selepas itu iaitu zaman Umar Bin Abdul Aziz, pemberhentian sementara pembahagian zakat kepada golongan fakir dan miskin kerana tiada seorang pun layak menerima dalam negara Islam pada ketika itu lantaran kemewahan rakyatnya. Peristiwa ini menunjukkan bahawa Umar telah berijtihad untuk mengetahui maslahah-maslahah yang menjadi sebab kepada penurunan nas-nas atau pun *illah* di sebalik sesuatu ketetapan. Perkara ini disebut dalam fiqh dan perundangan Islam masa kini sebagai: “mengambil petunjuk daripada roh undang-undang” (Nadiah Sharif al-Umri, 1985). Peristiwa ini juga menggambarkan bahawa hukum berkenaan wujud atau tidaknya golongan yang layak diberikan saham ini adalah bergantung kepada kedudukan umat Islam pada ketika itu. Kedudukan umat Islam ini merupakan asas kepada maslahah dalam perbincangan ini.

### **KES 3: Zaman selepas sahabat: Kaedah ijtihad *al-Hanafiyyah* terhadap nas *al-qat'iyyah al-dalalah* berhubung zakat haiwan**

Menurut *Hanafiyyah*<sup>9</sup>, dalil-dalil yang bersifat khas yang membawa kepada sifat *al-qatiyyah al-dalalah* boleh diijtihadkan sekiranya didapati terdapat dalil-dalil lain yang boleh mentakwil maksud ‘khas’ tersebut kepada maksud yang lain selain daripada maksud yang diletakkan kepada lafaz tersebut. Jika ada, maka lafaz ‘khas’ itu boleh dialihkan kepada apa yang ditunjukkan oleh dalil yang lain tersebut. Sebagai contohnya, hadis Rasulullah saw:

فِي كُلِّ أَرْبَعِينِ شَاهَةً شَاهَةً

---

<sup>9</sup> Menurut al-Zuhaili (1993), terdapat perbezaan pandangan berkenaan definisi *al-nas al-qat'i* antara *hanafiyyah* dan selain *hanafiyyah*. Ia merupakan perbezaan pandangan antara *hanafiyyah* dan mazhab lain, khususnya dalam persoalan seperti ini.

Maksudnya:

“Bagi setiap 40 ekor kambing, (zakatnya) seekor kambing”

(Sunan al-Tirmizi, *Kitab al-Zakah An Rasulillah, Bab Ma Ja'a Fi Zakah al-Ibili wa al-Ghanam*, Hadith No 621)

Daripada hadis ini dapat difahami bahawa kadar nisab zakat bagi kambing ialah apabila ia mencecah bilangan 40 ekor tanpa boleh ditakwil kepada bilangan-bilangan selain daripada yang telah ditunjukkan oleh hadis tersebut kerana ia didatangkan dengan lafaz khas. Walaupun begitu, golongan *Hanafiyah* telah mengemukakan pandangan yang berbeza dalam mengeluarkan hukum pada permasalahan ini dengan mentafsirkan kambing (*shah*) yang disebutkan dengan lafaz khas dalam hadis ini dengan dua maksud iaitu kambing yang sebenarnya dan juga boleh dimaksudkan dengan nilai semasa seekor kambing. Dalil mereka dalam pandangan ini ialah berdasarkan kepada penelitian terhadap *maqasid shariah* iaitu pemeliharaan maslahah itu sendiri. Iaitu apa yang dikehendaki oleh Allah ialah hendak menjelaskan berkenaan pensyariatan zakat yang mana antara lainnya bertujuan untuk memberi manfaat kepada golongan fakir serta melengkapkan keperluan-keperluan mereka. Oleh itu, maksud pensyariatan ini dapat ditepati dengan mengeluarkan kambing yang sebenarnya atau pun dengan hanya mengeluarkan nilai semasa kambing tersebut sebagai ganti kepada kambing yang sebenar (Zaidan, 1993).

### **III. DALIL-DALIL DALAM IJTIHAD BERASASKAN MASLAHAH**

Proses ijтиhad merupakan proses yang memerlukan mujtahid untuk mengistinbat hukum daripada sumber al-Quran, al-sunnah dan ijma'. Dalam melakukan proses istinbat ini mereka perlu bersandar kepada usul-usul pendalilan (*istidlal*) dan pengistinbatan (*istinbat*) dalam shariah Islam yang berlegar dalam tiga bidang ilmu iaitu *Usul Fiqh*, *Qawaid Fiqhiyyah* dan *Maqasid Shariah* (Banani, 2014). Ketiga-tiga ilmu ini juga tidak lari daripada perbincangan berkenaan maslahah, khususnya ilmu berkenaan maqasid shariah yang membahaskan aspek maslahah dengan lebih mendalam.

Manakala dalam ilmu Usul Fiqh, dalam perbincangan berkenaan dalil-dalil yang digunakan dalam berijtihad, para mujtahid akan bertemu dengan dalil-dalil yang mempunyai perkaitan yang sangat jelas dengan maslahah. Sebagai contoh, *Istihsan* merupakan usul yang kebanyakannya aplikasinya adalah berbentuk meraikan maslahah. Sepertimana disebutkan oleh Ibn Rusyd (1986): “Makna *istihsan* dalam kebanyakan keadaan adalah berpaling kepada maslahah dan keadilan. Begitu juga *Sad al-Zarai’* (سد الذرائع) yang merujuk kepada menolak kemudarat (درأ المفاسد). Maslahah yang boleh dilihat dalam usul ini ialah ia membolehkan tegahan terhadap suatu yang diharuskan menerusi penjelasan nas. Ia secara zahir merupakan tindakan yang menyanggahi nas demi untuk menepati dan memelihara maslahah. Manakala dalam Qawaid Fiqhiyah pula kedudukan maslahah dapat dilihat menerusi kaedah-kaedah itu sendiri seperti kaedah *الاصل في المنافع الحل وفي المضر المنع*, “asal kepada manfaat adalah dibolehkan manakala asal kepada mudarat adalah tegahan”. Begitu juga kaedah, لا ضرر ولا ضرار “tidak ada mudarat dan tidak mendatangkan mudarat” dan sebagainya. Berhubung perkara ini, Raisuni & Barut (2000) menyatakan bahawa kaedah-kaedah fiqh ini menggagaskan pensyariatan berdasarkan maslahah dan menjadi *dhabit* kepada maslahah itu sendiri. Oleh kerana luasnya cakupan maslahah dalam lapangan ijtihad maka terdapat pelbagai istilah yang dikemukakan oleh para ulama dalam menjelaskan penggunaan maslahah dalam ijtihad. Antaranya ia dinamakan istilah *ijtihad al-Maqasidi*<sup>10</sup> (Banani, 66) dan juga *ijtihad istislahi* (Abbasi, 2007).

## PANDUAN PENGGUNAAN MASLAHAH DALAM IJTIHAD

Secara umumnya seperti telah dijelaskan di atas bahawa maslahah yang dibincangkan di sini adalah maslahah yang ditentukan syarak dan bukan maslahah yang berasaskan hawa nafsu dan jauh daripada panduan syarak. Oleh kerana itu, para ulama telah memberikan *dhawabit* dalam penggunaan maslahah dalam berijtihad. Antaranya dalam perbahasan berkenaan *ijtihad al-istislahi*, Abbasi (2007) telah meletakkan beberapa *dhawabit* untuk keharusan penggunaan ijtihad ini iaitu: pertama: ijtihad itu tidak boleh bercanggah dengan nas-nas umum sama ada daripada al-Quran, al-Hadis atau pun ijma’ yang muktabar, kedua; ijtihad ini hendaklah menepati

---

<sup>10</sup> Al-Qardhawi (2008) menyebutkan bahawa *fiqh al-Maqasidi* adalah merupakan bapa kepada semua jenis fiqh. Ini disebabkan makna *fiqh al-maqasidi* adalah mendalami rahsia dan hikmah yang terkandung di dalam nas, dan bukan jumud dengan zahir dan lafaz nas sahaja serta melupakan perkara-perkara di sebalik lafaz dan zahir nas.

maqasid shariah dan tidak bercanggah dengannya dan ketiga; ia tidak bercanggah dengan keputusan ramai fuqaha’<sup>11</sup>.

Selain itu, Abbasi (2007) juga meletakkan panduan bahawa penggunaan maslahah ini adalah merupakan pendekatan terakhir selepas ijтиhad secara *bayani*<sup>12</sup> dan *qiyasi*<sup>13</sup> tidak mampu untuk menyelesaikan persoalan yang memerlukan kepada ijтиhad tersebut. Iaitu sesuatu isu itu apabila berlaku, maka perlu dirujuk kepada ijтиhad secara *bayani* terlebih dahulu, sekiranya tidak boleh maka dirujuk kepada *ijtihad qiyasi*, dan sekiranya tidak boleh maka barulah dirujuk kepada *ijtihad istislahi*. Secara umumnya, *ijtihad bayani* dan *ijtihad qiyasi* tidak terkeluar daripada daerah nas iaitu sama ada dalam bentuk memahami nas atau qiyas terhadap nas itu sendiri. Berbanding *ijtihad al-istislahi*<sup>14</sup> yang secara zahirnya terkeluar daripada daerah nas. Ijтиhad ini dilakukan apabila isu-isu yang berlaku itu tidak dapat diputuskan menerusi *ijtihad al-Bayani* dan juga *al-Ijtihad al-Qiyasi* disebabkan tidak ada penjelasan secara langsung daripada nas dan juga tidak ada ruang untuk dilakukan qiyas. Oleh kerana ijтиhad ini tidak ada kaitan langsung dengan nas-nas yang ada melainkan hanya dalam lingkungan qiyas terhadap maslahah, maka *ijtihad al-Istislahi* ini adalah berkaitan dengan proses menentukan maqasid al-shariah secara umum. Iaitu menerusinya dapat diambil daripadanya usul daripada *usul al-tashri'* yang tersandar padanya hukum kepada setiap peristiwa baharu yang berlaku menerusi proses *al-istislah*, dan ia hanya bagi peristiwa-peristiwa yang tidak boleh diijтиhad menerusi kaedah *ijtihad bayani* dan *qiyasi*.

---

<sup>11</sup> Dalam *dhabit* ketiga ini, walaupun Abbasi (2007) menggunakan istilah *ijma'* dalam awal penulisannya tetapi dalam kupasannya beliau menyebutkannya sebagai *ijtihad jama'i*. Dalam masa yang sama beliau mengaitkannya dengan institusi fatwa yang memutuskan fatwa secara *jama'i* (himpunan para ulama)

<sup>12</sup> Ijтиhad ini adalah dalam kategori ijтиhad yang dikaitkan dengan nas, iaitu ia merupakan ijтиhad untuk memahami nas, mengenalpasti makna nas tersebut, mentarjih pelbagai kefahaman daripada nas atau mengetahui sanad nas tersebut serta kaedah bagaimana sanad itu sampai kepada perawi. Ia dikenali sebagai *ijtihad bayani* kerana ia bergantung kepada penjelasan terhadap nas itu sendiri (Abbasi, 2007)

<sup>13</sup> Ijтиhad ini adalah merujuk kepada proses melakukan qiyas terhadap isu-isu yang tidak terdapat penjelasan **hokum** daripada nas al-Quran dan al-Hadis. Ini adalah disebabkan nas-nas shariah tidaklah banyak dan ia tidak mencukupi untuk menjelaskan secara langsung kesemua isu-isu dan peristiwa-peristiwa baharu yang berlaku dalam kehidupan manusia. Oleh kerana itu, kita dapat memahami kepentingan qiyas serta faedah mengenalpasti kewujudan *illah* dalam kaedah qiyas (mengenalpasti kewujudan qiyas pada asal [*al-aslu*] dan cabang[*al-furu'*]). Dalam proses qiyas ini, *illah* merupakan fokus utama pada ulama usul dan fuqaha sehingga ada sesetengah ulama yang menjadikan *illah* sebagai satu-satunya rukun dalam proses qiyas, manakala *al-aslu* dan *al-furu'* dijadikan sekadar syarat sahaja seperitimana yang diamalkan dalam mazhab Hanafi (Abbasi, 2007)

<sup>14</sup> Abbasi (2007) menyatakan bahawa *istislah* di sini bermaksud ‘beramal dengan *masoleh al-mursalah*’.

## RUMUSAN

Secara umumnya perbincangan ini menunjukkan bahawa ijтиhad mempunyai perkaitan langsung dengan maslahah. Ia bertitik-tolak daripada hukum-hukum shariah itu sendiri yang berpaksikan kepada pemeliharaan maslahah sepertimana telah dibincangkan. Ia menunjukkan bahawa dalam melakukan ijтиhad, walaupun ia merupakan *ijтиhad bayani* atau pun *ijтиhad qiyasi*, seorang mujtahid itu perlu juga menghubung kaitkan penelitiannya dengan maslahah itu sendiri. Pengabaian penelitian terhadap maslahah ini boleh mengakibatkan kepincangan dalam ijтиhad yang dilakukan tersebut. Oleh kerana itu, terdapat banyak perbincangan ulama berkenaan kepentingan meraikan maslahah dalam proses ijтиhad. Antaranya, al-Qardhawi telah memberikan 3 bentuk ijтиhad yang boleh dilihat pada zaman sekarang. Salah satu daripadanya ijтиhad yang bersifat menyempitkan dan keras terhadap sesuatu perkara. Beliau menyatakan bahawa mereka yang mempelopori bentuk ini adalah di kalangan mereka yang tidak mendalam shariah dan maqasid shariah itu sendiri. Mereka tidak faqih dalam agama bahkan berpegang kepada hukum-hukum shariah yang zahir sahaja. Mereka juga hanya melihat secara *harfiah* sahaja terhadap sesuatu hukum dan tidak melihatnya secara mendalam. Dengan melihat secara mendalam boleh membawa kepada melihat bagaimana toleransi, kecantikan dan kemudahan yang ada pada Islam itu sendiri. (Muhammad al-Amin, 2008)<sup>15</sup>. Selain itu, syarat keperluan memahami nas oleh mujtahid dalam proses melakukan ijтиhad juga menunjukkan hubungan di antara maslahah dan ijтиhad. Ini adalah disebabkan memahami nas itu juga adalah sehingga memahami maslahah di sebalik nas-nas tersebut (Mustafa Zaid, 2002). Berhubung perkara ini, Ibnu al-Jauzi ada menyebutkan: “Seorang faqih itu adalah seorang yang meneliti kepada sebab dan natijah dan juga maqasid”.

## KESIMPULAN

Perbincangan berkenaan maslahah dan ijтиhad merupakan perkara yang perlu dikembangkan hari ini berikutan keperluan yang banyak terhadap ijтиhad dalam perkara-perkara yang memerlukan

---

<sup>15</sup> 2 bentuk ijтиhad lagi yang disebutkan al-Qardhawi adalah i. ijтиhad berbentuk terlalu terbuka dan lembut sehingga terpesong daripada pandangan kebenaran, ii. Ijтиhad berbentuk pertengahan (al-qardhawi)(MA: 182-183)

kepada penelitian maslahah. Antara bidang-bidang yang semakin berkembang dan perlu kepada penelitian seperti ini adalah seperti dalam bidang ekonomi, perubatan, industri halal dan sebagainya. Pengabaian kepada penelitian terhadap maslahah boleh membawa kepada kesilapan dalam memutuskan ijтиhad itu sendiri. Walaupun begitu, penelitian maslahah ini perlu merujuk kepada panduan yang sepatutnya yang antara lainnya maslahah itu perlu mempunyai sandaran nas dan bukan hanya berdasarkan kepada akal semata-mata. Kesilapan dalam mengenalpasti asas ini boleh membawa kepada kesilapan dalam penentuan hukum menerusi jalan ijтиhad. Selain itu, kedudukan maslahah yang tinggi dalam ruang ijтиhad juga bukanlah bermakna kesemua ijтиhad itu perlu diputuskan berdasarkan maslahah sehingga meninggalkan *dhawabit* yang sepatutnya.

Kesimpulannya, maslahah merupakan suatu panduan yang penting dalam proses ijтиhad. Walaupun begitu, ia perlu difahami dengan mendalam supaya ia tidak menjadi hujah yang akan digunakan oleh pihak yang ingin bermudah-mudahan atau memberat-beratkan dalam amalan agama dengan mengharuskan atau mengharamkan sesuatu atas dasar maslahah tanpa menghubungkan maslahah tersebut dengan sumber yang sepatutnya iaitu nas-nas al-Quran dan al-Hadis.

## **RUJUKAN**

Abbasi, Dr. Nur al-Din, 2007, cet. 1, *al-Ijtihad al-Istislahi: Mafhumuhu, Hujjiyatuhu, Majaluhu, Dhawabituhu*, Dar Ibn Hazm, Beirut.

al-Buti, Dr. Said Ramadhan, 1982. *Dawabit al-Maslahah Fi Syari'ah al-Islamiyah*, Beirut: Muassasah al-Risalah

Al-Ghazali, Imam Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad (t.th.). *al-Mustasfa Min Ilmi al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

al-Qardawi, Yusuf, jamadi al-akhir 1429h / Jun 2008m, *al-Ijtihad fi Asrina Faridhah wa Dharurah Yahtammuha al-Waqi'*, Majallah al-Wa'yi al-Islami, bil. 514

Al-Raisuni, Dr. Ahmad & Barut, Muhammad Jamal, 2000, *al-Ijtihad: al-Nas, al-Waqi', al-Maslahah*, (Cet. 1), Dar al-Fikr: Damshik

al-Shāṭibī, Abi Ishak Ibrahim Ibn Musa al-Lahmi al-Gharnatiy, 1969, *Al-Muafaqat Fi Usul al-Ihkam*. Maktabah Wa Matba'ah Ali Sobih wa auladuhu, Qāhirah.

Al-Umri, Dr. Nadiah Sharif, 1985, *Ijtihad al-Rasul Salla Allah Alaihi Wa Sallam*, Muassasah al-Risalah: Beirut.

Banani, Dr. Abdul Karim, 2014, *al-Ijtihad al-Maqasidi inda malikiyyah al-Andalusi: al-Usus al-Muntholaqat wa al-Ab'ad*, (Cet 1) Dar Ibn Hazm: Beirut.

Ibn Rushd, Muhammad Ibn Ahmad Ibn Muhammad Ibn Ahmad, 1986, *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, Cet. 6, Dar al-Makrifah: t.tp.

Ibnu al-Qayyim al-Jauziyyah, Muhammad Ibn Abi Bakr Ibn Ayyub, 1998, *Zad al-Ma'ad Fi Hadyi Khairi al-Ibad*, (Cet. 6), Muassasah al-Risalah: Beirut.

Ibnu Ashur, Muhammad Tahir, 2004, *Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah*, Wizarah al-Awqaf Wa al-Shu'un al-Islamiyah Bi Daulah Qatar: Qatar.

Kassab, Al-Said Abdul Latif, 1984, *Adwa' Haula Qadhiyyah al-Ijtihadiyyah Fi al-Shariah al-Islamiyyah*, Dar al-Taufiq al-Namuzijiyyah Li al Tab'a'ah Wa al-Jam al-Arli: Kaherah

Muhammad al-Amin Walad Ali Na'lawi al-Shanqiti, 2008, *al-Ijtihad wa Tatbiqatuhu al-Muasirah fi Majal al-Aswaq al-Maliyah*, Cet. 1, Dar Ibn Hazm: Beirut.

Mustafa Zaid, 2002, cet. 3, *al-Maslahah fi al-Tasyri' al Islami*, dar al-said li al-taba'ah wa al-nashr, Mesir.

Nawawi, al-Imam Mahyu al-Din, al-. 1994. *Al-Minhaj Bi Syarh Sohih Muslim*. Ibn. Al-Hajjaj. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Zuhaili, Dr. Wahbah, 1986, *Usul Fiqh al-Islami*, Dar al-Fikri Li al-taba'ah wa al-Tauzi' wa al-Nashr: Damshik.

Al-Tirmizi, Muhammad Isa Ibn Saurah Ibn Musa Ibn al-Dhahaq, 1998, *al-Jami' al-Kabir: Sunan al-Tirmizi*, Dar al-Gharb al-Islami: Beirut.

Zaidān, Ḩabd al-Karīm, (1993). *al-Wajīz Fī Uṣūl al-Fiqh*. C.1, Qāhirah: Dār al-Tauzī wa al-Nashr al-Islāmiyyah.